



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TINGKAT 4, BLOK A & B, WISMA NEGERI, NO. BEG BERKUNCI 39,
JALAN DATO' ABDUL KADIR,
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
www.ns.gov.my/pgns

Pentadbiran : 06-765 9826/9831
Pembangunan : 06-765 9823/9835
Hasil : 06-765 9949/9756

Pendaftaran (Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9842/9843
Pendaftaran (Hak Milik Strata) : 06-765 9839/9793
Faks (Pengaroh) : 06-762 2563
Faks (Pendaftaran Hak Milik Strata) : 06-767 4369
Faks (Pendaftaran Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9048

Ruj. Kami : Bil (**36**) dlm PTG.NS 10/19
Tarikh : **11** Oktober 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN BERKAITAN PELANTIKAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN PENTADBIRAN TANAH DI NEGERI SEMBILAN SEBAGAI PEGAWAI DIBERI KUASA UNTUK MENJALANKAN TUGAS YANG DINYATAKAN DALAM BAHAGIAN XI DAN XII, ENAKMEN MINERAL NEGERI 2002

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan dan Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Sembilan mempunyai pegawai dan kakitangan yang menjalankan tugas-tugas berkaitan pelaksanaan dan pentadbiran Enakmen Mineral Negeri 2002 mengikut keperluan dan kesesuaian.
3. Pada masa kini pelantikan melibatkan pegawai dan kakitangan seperti berikut:
 - 3.1. **Pejabat Pengarah Tanah dan Galian**

Pengaroh, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah yang terlibat dengan penguatkuasaan dan semua Penolong Pegawai Tanah,
 - 3.2. **Pejabat Daerah dan Tanah**

Pegawai Daerah, Timbalan Pentadbir Tanah, Penolong Pentadbir Tanah yang terlibat dengan penguatkuasaan dan semua Penolong Pegawai Tanah.
4. Pelantikan adalah bagi seluruh Negeri Sembilan dan tidak perlu dilantik semula selagi pegawai berkhidmat di pentadbiran tanah di Negeri Sembilan.
5. Walau bagaimanapun, dari masa ke masa berlaku pertukaran, kenaikan pangkat, persaraan atau pegawai bercuti panjang yang memerlukan jawatan yang kosong diisi secara tanggung kerja oleh pegawai yang bukan dari Unit Penguatkuasaan. Urusan untuk melantik danewartakan pegawai dan kakitangan yang menanggung kerja sebagai pegawai diberi kuasa untuk menjalankan tugas yang dinyatakan dalam Bahagian XI dan XII, Enakmen Mineral Negeri 2002 akan mengambil masa dan boleh mengganggu pelaksanaan dan kelancaran tugas yang ditanggung.

6. Sehubungan itu cadangan pelantikan sebagai pegawai diberi kuasa untuk menjalankan tugas yang dinyatakan dalam Bahagian XI dan XII, Enakmen Mineral Negeri 2002 diperluaskan seperti berikut:

6.1. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian

Pengarah, Timbalan Pengarah, semua Penolong Pengarah dan semua Penolong Pegawai Tanah,

6.2. Pejabat Daerah dan Tanah

Pegawai Daerah, Timbalan Pentadbir Tanah, semua Penolong Pentadbir Tanah dan semua Penolong Pegawai Tanah.

7. Sukacita mendapat kerjasama tuan/puan untuk mengemukakan permohonan pelantikan pegawai dan kakitangan yang termasuk dalam kriteria seperti di para 6 yang belum lagi dibuat pelantikan dengan menggunakan format seperti contoh di **Lampiran A**.

8. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS)

Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian
(Pengurusan)
2. Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian
(Pendaftaran)
3. Penolong Pengarah Tanah Dan Galian
(Teknologi Maklumat)
4. Penolong Pengarah Tanah Dan Galian
(Audit Pengurusan)
5. Penolong Pengarah Tanah Dan Galian
(Pendaftaran Hakmilik / Strata)
6. Penolong Pengarah Tanah Dan Galian
(Pendaftaran)
7. Penolong Pengarah Tanah Dan Galian
(Pembangunan)
8. Penolong Pengarah Tanah Dan Galian
(Hasil)
9. Penolong Pengarah Tanah Dan Galian
(Penguatkuasaan / Teknikal)
10. Penolong Pengarah Tanah Dan Galian
(*Task Force*)
11. Pegawai Undang - Undang
(Perundangan)

SENARAI EDARAN

1. Pentadbir Tanah Daerah Seremban
2. Pentadbir Tanah Daerah Tampin
3. Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson
4. Pentadbir Tanah Daerah Kuala Pilah
5. Pentadbir Tanah Daerah Jempol
6. Pentadbir Tanah Daerah Jelebu
7. Pentadbir Tanah Daerah Rembau
8. Ketua Penolong Pegawai Daerah Kecil Gemas

LAMPIRAN 'A'

PENGISYTIHARAN PELANTIKAN SEBAGAI PEGAWAI DIBERI KUASA UNTUK MENJALANKAN TUGAS YANG DINYATAKAN DALAM BAHAGIAN XI DAN XII, ENAKMEN MINERAL NEGERI 2002

PEJABAT : PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN

BIL.	NAMA/JAWATAN/GRED/ NO. KAD PENGENALAN	GELARAN JAWATAN/ PENEMPATAN	PELANTIKAN DAN BIDANG KUASA	TARIKH KUAT KUASA	JUSTIFIKASI
1.	Ali bin Ahmad Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44 NO.KP: 830609-05-5141	Penolong Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal) Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan	Pegawai diberi kuasa untuk menjalankan tugas yang dinyatakan dalam Bahagian XI dan XII, Enakmen Mineral Negeri 2002 bagi seluruh Negeri Sembilan	14.12.2020	Pelantikan Pegawai ini adalah perlu bagi membolehkan beliau menjalankan tugas mengikut peruntukan Enakmen Mineral Negeri 2002